

# Hanya 632 berdaftar

Metro 27/5/2011. Ms 12.



**B**AGI mengenali taska berdaftar ibu bapa boleh melihat perakuan lesen yang dikeluarkan JKM yang digantung di premis taska.

Jika tidak mereka boleh mendapatkan maklumat dengan menyemak menerusi laman web [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my).

Menurut Zaitol, walaupun terdapat undang-undang yang boleh diambil terhadap taska haram atau tidak mematuhi piawaian JKM seperti didakwa di mahkamah dan dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, JKM tidak melaksanakannya secara drastik.

Memikirkan keperluan taska juga permintaan yang tinggi pada masa sekarang, penutupan taska bukanlah langkah yang wajar.

Namun sekiranya pengusaha taska masih tidak mengambil sebarang tindakan untuk mendaftarkan taska dalam tempoh yang diberikan, JKM tidak akan teragak-agak mengambil tindakan.

"Kini, permintaan untuk penjagaan kanak-kanak di



**Peningkatan masalah pembantu rumah menyebabkan ramai ibu bapa hari ini mempercayai perkhidmatan taska bukan saja sebagai pusat penjagaan kanak-kanak tetapi memberi pendidikan awal kepada mereka"**

>Mahanom Basri  
Presiden Persatuan Taska Selangor

## Panduan pilih taska terbaik

Amalkan konsep 5T

1. Tanya

- Taska berdaftar dengan JKM atau tidak
- Bilangan pengasuh
- Bilangan kanak-kanak
- Hadir Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak

2. Tengok

- Lihat perakuan pendaftaran JKM masih sah atau tidak
- Lihat jadual aktiviti kanak-kanak
- Lihat jadual menu kanak-kanak
- Lihat kebersihan premis, peralatan dan pengasuh

3. Teliti

- Semak dengan JKM status pendaftaran sama ada masih sah atau tidak
- Semak dengan rakan pandangan mereka

mengenai taska.

- Semak melalui laman web
- Semak siapa yang menjadi pengasuh
- Semak peraturan taska berkenaan

4. Tangkis

- Jangan terpedaya atau mudah terpengaruh
- Jangan pentingkan bayaran murah
- Jangan ikut rasa tanpa berfikir

5. Teguh

- Utamakan kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak
- Wang boleh dicari nyawa tiada ganti
- Utamakan keluarga
- Sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya
- Buat pilihan.

taska sangat tinggi. Ditambah pula masalah pembantu rumah menyebabkan masyarakat menghantar anak mereka ke taska. Walaupun banyak taska haram, JKM tidak boleh mengambil tindakan untuk menutup serta-merta kerana ini akan menyebabkan masalah kepada negara," katanya.

Menyedari terdapat jurang perbezaan yang besar antara taska berdaftar dan tidak berdaftar, menjadi tanggungjawab JKM menggalakkan dan membuat pemantauan supaya semua taska didaftarkan di bawah JKM. Ini bagi memastikan keselamatan kanak-kanak terjaga kerana taska haram sudah tentu tidak mengikut piawaian JKM dan badan lain.

"Bagi taska yang tidak berdaftar pula, sekiranya berlaku kemalangan pihak JKM tidak dapat membantu daripada segi memberikan sokongan kepada pengusaha taska dan tentunya ini akan menyukarkan mereka. Masyarakat pula gemar menyalahkan JKM kerana membenarkan kewujudan taska haram ini sedangkan masalah untuk mendapatkan lesen berpunca daripada agensi tertentu," ujarnya.

Jelas Zaitol, sekiranya pengusaha memahami syarat penubuhan taska mereka pasti akan mendapatkan ilmu terlebih dulu sebelum beroperasi. Ini kerana antara

syaratnya menyatakan taska harus berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftaran Pertubuhan (ROS), premis pula mendapat sokongan atau kelulusan agensi teknikal iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kesihatan Malaysia serta memenuhi standard minimum Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi menyelesaikan masalah ini, JKM sebagai badan induk berjanji akan bertemu dengan PBT serta agensi tertentu bagi mengkaji semula proses pendaftaran taska bagi membolehkan semua taska dapat berdaftar dalam tempoh yang singkat.

Menurut Presiden Persatuan Taska Selangor, Mahanom Basri, kewujudan taska haram di Selangor setakat ini melebihi 637 dan hanya 79 taska berdaftar dengan JKM. Peningkatan jumlah taska tidak berdaftar tentunya membimbangkan kerana mereka tidak mengikut prosedur ditetapkan JKM.

Bagi pihak persatuan, menyekat kewujudan taska ini adalah sesuatu yang mustahil kerana peningkatan permintaan daripada ibu bapa menyebabkan banyak taska dibuka.

"Peningkatan masalah pembantu rumah menyebabkan ramai ibu bapa hari ini

mempercayai perkhidmatan taska bukan saja sebagai pusat penjagaan kanak-kanak tetapi memberi pendidikan awal kepada mereka," katanya.

Namun apa yang menjadi masalah lebih banyak taska tidak berdaftar daripada taska berdaftar yang kebanyakannya berpunca daripada kerenah birokrasi iaitu kesukaran mendapatkan kelulusan daripada PBT serta kos penyelenggaraan yang dirasakan terlalu tinggi. Ini termasuk menyediakan pelan bangunan serta penukaran taraf kediaman kepada premis perniagaan yang turut meningkatkan kos operasi.

"Dalam hal ini, masyarakat perlu faham penubuhan taska bukanlah bersifat komersial semata-mata tetapi lebih kepada memenuhi tanggungjawab sosial masyarakat.

"Pelbagai masalah menyebabkan pengusaha taska tidak dapat memberikan yang terbaik kepada masyarakat sedangkan kini tumpuan masyarakat dan negara adalah memberi penekanan mengenai pentingnya pendidikan awal kanak-kanak. Jadi bagaimana pengusaha taska mahu memberikan yang terbaik sekiranya terdapat kekangan yang sukar diselesaikan?"

jelasnya.

Selain itu, pengusaha taska turut menghadapi masalah pertukaran pekerja disebabkan tidak dapat memberi gaji yang tinggi kepada pengasuh. Rata-rata pengasuh beranggapan kerjaya ini bersifat sementara sebelum mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik. Jadi pengusaha terpaksa mencari pekerja lain dan menghantar mereka menjalani kursus KAAK yang sekali gus meningkatkan kos.

"Perkara ini tidak akan berhenti di sini saja dan pengusaha akan terus berdepan masalah sama. Jadi persatuan berperanan untuk memikirkan bagaimana meningkatkan kerjaya pengasuh supaya dipandang tinggi oleh masyarakat. Kini, pengasuh bukan setakat menjaga anak tetapi berperanan meningkatkan aspek pembelajaran, sosial dan perkembangan minda kanak-kanak," jelasnya.

Mahanom juga menasihati ibu bapa supaya lebih peka memilih taska bagi mengelak sebarang kejadian buruk berlaku. Ini boleh dilakukan dengan meninjau premis taska sama ada berlesen atau tidak dan melihat jadual aktiviti di taska. Ibu bapa adalah golongan utama yang dapat mengubah persepsi taska menjadi lebih baik daripada sekarang.

## Statistik taska dikesan dan berdaftar mengikut negeri

Negeri	Dikesan (Feb 2009)	Berdaftar (Mac 2011)
1. Perlis	25	16
2. Kedah	76	38
3. Pulau Pinang	149	30
4. Perak	82	96
5. Selangor	637	79
6. Kuala Lumpur	371	48
7. Negeri Sembilan	81	35
8. Melaka	65	10
9. Johor	122	37
10. Pahang	12	43
11. Terengganu	150	59
12. Kelantan	130	7
13. Sabah	38	85
14. Sarawak	139	38
15. WP Labuan	0	4
<b>Jumlah</b>	<b>2077</b>	<b>632</b>

## Taska Sah Berdaftar (Mac 2011)

Kategori	Jumlah
Institusi	571
Tempat kerja	55
Komuniti	6
Rumah	(Tiada rekod)
<b>Jumlah</b>	<b>632</b>